



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN
BANTUAN RAMADAN PARLIMEN MASJID TANAH
23 APRIL 2021 (JUMAAT), JAM 5.00 PETANG
DI JAPERUN KUALA LINGGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warramatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.**

Terima kasih Pengacara Majlis;

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, diam tak diam, hari ini merupakan genap hari yang ke-10 kita berpuasa bagi tahun ini. Marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita diberi nikmat kesihatan yang baik, sekali gus berkesempatan untuk hadir ke Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Ramadan Parlimen Masjid Tanah bagi tahun ini.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada pihak penganjur kerana dapat menjayakan majlis yang penuh bermakna ini dengan begitu baik. Semoga usaha yang komited ini diberkati oleh Allah SWT.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

BULAN RAMADAN

3. Ramadan adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam saban tahun, kerana bulan inilah bulan yang penuh dengan keberkatan. Oleh itu, sambutlah Ramadan dengan penuh kegembiraan kerana pintu kebaikan dibuka seluas-luasnya dengan gandaan pahala yang ditawarkan kepada mereka yang melakukan kebaikan dalam bulan Ramadan seperti **sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim** yang bermaksud,

“Apabila tiba Ramadan, telah dibuka pintu-pintu syurga, telah ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan.”

4. Justeru, sempena kedatangan Ramadan, inilah masa yang terbaik untuk kita membuat pelbagai amal kebaikan serta melipatgandakan amal ibadat kepada-Nya. Sesungguhnya, ibadah puasa ini merupakan ibadah yang difardukan ke atas setiap Muslim selain ia merupakan ibadah yang istimewa di mana kita berjihad melawan hawa nafsu, menyucikan jiwa, dan mengharapkan keredaan Allah SWT.

5. Selain itu, saya difahamkan, hari ini sahaja, **seramai 120 orang** bakal menerima sumbangan bantuan Ramadan untuk tahun ini. Semoga, sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban saudara dan saudari untuk menyambut kedatangan bulan Syawal kelak. Saya menyeru kepada semua, marilah kita bersama-sama merebut peluang dengan kedatangan bulan Ramadan yang penuh barakah ini untuk meringankan tangan dengan memberi sumbangan dan memperbanyakkan amal jariah.

Saudara dan saudari yang dihormati,

PEMATUHAN TERHADAP SOP BAZAR RAMADAN

6. Ramadan kali ini, bagi saya begitu istimewa kepada kita semua berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun ini, pihak Kerajaan Negeri Melaka sangat prihatin apabila telah membenarkan pengoperasian bazar Ramadan, penyediaan bufet Ramadan di hotel-hotel serta kedai-kedai makanan selain kebenaran menunaikan solat Terawih di masjid-masjid dan surau di negeri ini.

7. Di kesempatan ini, suka saya mengingatkan kepada semua bahawa kebenaran yang diberi ini adalah bersyarat iaitu menjadi tanggungjawab ke atas diri tuantuan dan puan-puan untuk memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dipatuhi pada setiap masa. Amalan penjarakan fizikal 1 meter, pemakaian pelitup muka dengan betul, penggunaan *hand sanitizer* dan pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera hendaklah menjadi amalan norma baharu.

8. Saya juga tahu, suasana bazaar Ramadan di Masjid Tanah sangat meriah dan dipenuhi dengan ramai pengunjung untuk membeli juadah. Namun, saya mahukan saudara dan saudari patuhilah segala SOP. Sekiranya perkara asas ini tidak kita amalkan dalam kehidupan seharian, saya amat bimbang, penularan wabak COVID-19 akan semakin meningkat semula di Negeri Melaka.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

PENDAFTARAN VAKSIN COVID-19

9. Sepertimana kita sedia maklum, suntikan vaksin fasa kedua telah pun bermula pada 19 April 2021 (Isnin). Fasa ini memfokuskan pemberian vaksin kepada warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan golongan berpenyakit kronik. Bagi Daerah Alor Gajah, Pusat Pemberian Vaksin adalah bertempat di Kompleks Sukan Masjid Tanah.

10. Justeru, saya menyeru kepada seluruh rakyat Negeri Melaka khususnya penduduk di Daerah Alor Gajah untuk mendaftar vaksin dengan segera bagi pembentukan imuniti kelompok di negeri ini. Saya juga menyeru pegawai dan kakitangan agensi Kerajaan memainkan peranan dengan membuat hebahan dalam kalangan ahli keluarga terdekat, saudara mara dan jiran tetangga untuk mendaftar vaksin. Pendaftaran vaksinasi ini boleh dibuat secara dalam talian, menerusi aplikasi MySejahtera atau melalui laman sesawang khas di www.vaksincovid.gov.my.

Saudara dan saudari,

PENUTUP

11. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pegawai Daerah Alor Gajah, pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Penghulu-penghulu kawasan, pihak JAPERUN serta semua yang terlibat di atas penganjuran majlis pada hari ini.

12. Terima kasih juga kepada semua barisan EXCO, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan serta semua penerima sumbangan yang hadir pada petang ini. Sesungguhnya kehadiran semua pihak pada petang ini telah menyerikan lagi majlis yang penuh bermakna ini.

13. Kepada semua penerima sumbangan yang diraikan pada petang ini, semoga dengan kehadiran dan interaksi seumpama ini sedikit sebanyak hasrat kerajaan dalam menyampaikan amanah kepada rakyat telah dilaksanakan selain pembangunan agama Islam dapat

dikongsi secara terus dan tulus di semua peringkat masyarakat.

14. Semoga bulan Ramadan yang penuh kemuliaan ini memberi rahmat kepada rakyat dan Negeri Melaka seterusnya memperoleh keberkatan untuk bertemu lailatul Qadar pada tahun ini. Insyaa-Allah.

Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ